

Gaya Keibubapaan dan Tahap Ketagihan dalam kalangan Remaja di Daerah Mersing

(Parenting Style and Level of Addiction Among Adolescents in Mersing District)

Mohammad Fadzil Hanafi Umar^{1*}, Shahlan Surat², Saemah Rahman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: fadzilhanafi46@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohammad Fadzil Hanafi Umar
(fadzilhanafi46@gmail.com)

KATA KUNCI:

Remaja
Ketagihan
Gaya keibubapaan
Gajet

KEYWORDS:

Adolescence
Addiction
Parenting style
Devices

CITATION:

Mohammad Fadzil Hanafi Umar, Shahlan Surat, & Saemah Rahman. (2022). Gaya Keibubapaan dan Tahap Ketagihan dalam kalangan Remaja di Daerah Mersing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001590. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1590>

Dalam dunia serba moden pada hari ini, pelbagai kemajuan dan ciptaan teknologi telah berjaya dihasilkan. Peralatan teknologi canggih seperti telefon bimbit, komputer, tablet, dan capaian internet banyak membantu proses kehidupan manusia. Namun begitu, jika manusia menyalahgunakan kemudahan teknologi ini pasti akan membawa kepada kemudaratan. Kesan negatif penggunaan gajet yang berlebihan adalah boleh menyebabkan seseorang individu terlibat dengan masalah ketagihan gajet. Lantaran itu, peranan dan corak keibubapaan sangat memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak tidak terlibat dengan gejala ketagihan gajet. Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja dan juga bagi mengenal pasti tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan yang diamalkan. Reka bentuk bagi kajian ini ialah kajian tinjauan yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Manakala bagi instrumen kajian pula, kajian ini menggunakan borang soal selidik. Kajian ini telah melibatkan seramai 444 remaja sekolah menengah di daerah Mersing yang dipilih menggunakan kaedah *kluster sampling*. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa remaja di daerah Mersing mempunyai tahap ketagihan gajet pada tahap berat. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa mempunyai kaitan dalam menentukan tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja. Berdasarkan hasil dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa gaya keibubapaan memainkan peranan penting membimbing golongan remaja agar tidak terlibat dengan masalah ketagihan gajet.

ABSTRACT

The rapid development of technology nowadays has created various technological advances. Advance technological devices such as mobile phones, computers, tablets and internet access greatly help the process of human life. However, if human misuse the facilities of this technology, it will definitely lead to harm. The negative effect of excessive use of gadgets is that they can cause individual to get involved with problem of gadget addiction. Thus, the role and pattern of parenting plays very important role to ensure their children are not involving with the symptoms of gadget addiction. This study was conducted to identify the level of gadget addiction among adolescents. In fact, this study also aims to identify the level of gadget addiction based on the parenting style. The design for this study is a survey study conducted using a quantitative approach and the research instrument is a questionnaire. This study involved a total of 444 secondary school adolescents in Mersing district who were selected using cluster sampling method. The data obtained were analyzed using descriptive analysis method using SPSS software. The results of the study found that adolescents in Mersing district have a high level of gadget addiction. In addition, the results of this study also found that the parenting style practiced by parents is associated to the level of gadget addiction among adolescents. The findings of the study indicates that parenting style plays an important role in ensuring that adolescents do not get involved with the problem of gadget addiction.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak. Pengaplikasian gaya keibubapaan yang tepat mampu membentuk keperibadian anak-anak yang unggul. Malah dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa dalam membendung masalah ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

1. Pengenalan

Saban hari pelbagai peralatan canggih dan berteknologi tinggi telah dicipta. Kajian demi kajian telah dijalankan bagi mencari penyelesaian dan memberi kemudahan dalam kehidupan. Sebagai manusia, komunikasi dan interaksi sesama manusia adalah kegiatan seharian yang sering dilakukan. [Normala \(2006\)](#), menjelaskan bahawa istilah gajet tiada dalam istilah Bahasa Melayu dan padanan kata yang paling sesuai untuk digunakan bagi gajet adalah peralatan. Hal ini disokong oleh [Shima dan Siti Marziah \(2018\)](#), yang menyatakan bahawa gajet merupakan alat peranti yang sering digunakan dan terdapat dalam pelbagai bentuk seperti tablet dan telefon pintar.

Pertembungan revolusi industri 4.0 dan pandemik Covid 19 telah meningkatkan penggunaan gajet dalam kehidupan manusia. Antara sektor yang terkesan akibat pandemik ini adalah sektor pendidikan. Menurut [Rafiee et al. \(2020\)](#), para guru perlu sentiasa berhubung secara dalam talian bersama pelajar bagi meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan

penggunaan gajet dalam kalangan remaja. Peredaran zaman dan perubahan situasi semasa telah menormalisasikan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Walaupun penggunaan gajet ini memberikan kelebihan dan kebaikan kepada golongan remaja, namun masih terdapat kesan negatif yang perlu dihadapi oleh golongan remaja akibat penggunaan gajet dalam kehidupan.

Antara kesan negatif yang akan dihadapi oleh golongan remaja adalah masalah ketagihan gajet. Jika penggunaan gajet oleh anak-anak ini tidak dipantau dan dikawal oleh golongan ibu bapa, ia sudah pasti akan memberikan kesan negatif kepada perkembangan dan pertumbuhan anak-anak. Hasil penelitian yang dijalankan oleh [Aina' Rasyidah dan Hapsah \(2020\)](#), mendapati bahawa penggunaan gajet yang berlebihan boleh menyebabkan bahagian tulang belakang dan tengkuk badan kanak-kanak menjadi rosak.

Masalah ketagihan gajet bukan hanya isu nasional. Akan tetapi isu ini juga merupakan isu global yang dihadapi di seluruh dunia. Menurut [Suhaniya dan Mohamad Fauzi \(2019\)](#), di negara Korea Selatan seorang individu ditemui mati akibat penggunaan gajet yang berterusan selama 50 jam sehingga mengakibatkan kegagalan jantungnya berfungsi. Bukan itu sahaja, seorang lelaki di China mengalami strok di bahagian pinggang setelah menggunakan gajet selama 20 jam tanpa henti ([Suhaniya & Mohamad Fauzi, 2019](#)). Malah menurutnya lagi di negara Jepun pula, isu pergaulan sosial baharu iaitu tidak mahu bersosial secara nyata dan hanya mahu bersosial menggunakan media sosial telah menjadi budaya tidak sihat yang baharu.

Dalam konteks negara kita pula, isu ketagihan gajet mula mendapat perhatian. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh [Nor Baidurah et al. \(2018\)](#), menyatakan bahawa golongan pelajar berpendapatan rendah mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami ketagihan gajet. Malah lebih membimbangkan lagi, fenomena menggantikan ibu bapa dengan gajet bagi kanak-kanak kerana terlalu leka menggunakan gajet tanpa menghiraukan ibu bapa akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada isu ini ([Shima & Siti Marziah, 2018](#)).

Berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, menggambarkan bahawa terdapat isu berkaitan tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja. Lebih membimbangkan lagi apabila penggunaan gajet yang berlebihan boleh menjejaskan masa bersama ahli keluarga antara ibu bapa dan anak-anak ([Shima & Siti Marziah, 2018](#)). Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti sama ada gaya keibubapaan mempunyai kaitan dengan tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja di daerah Mersing dan melihat sama ada gaya keibubapaan mempunyai kaitan dengan tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

- i. Mengetahui tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja.
- ii. Mengetahui tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa.

2. Sorotan Literatur

2.1. Tahap Ketagihan

Terdapat beberapa istilah lain yang digunakan bagi menzahirkan tingkah laku ketagihan gajet. Antara istilah lain yang digunakan adalah nomofobia. Nomofobia merupakan ketakutan atau kebimbangan yang dialami oleh seseorang individu apabila telefon pintar tiada bersama mereka (Shin & Manisah, 2020). Selain nomofobia istilah lain yang sering digunakan adalah ketagihan telefon pintar, ketagihan internet, ketagihan media sosial dan ketagihan permainan video. Kesemua ketagihan ini melibatkan penggunaan gajet. Hal ini telah dinyatakan oleh Ahmad Rahmadhan et al. (2017) bahawa remaja menghabiskan masa selama tiga jam sehari menggunakan gajet bagi berinteraksi di media sosial, bermain permainan video dan melayari Youtube.

Hubungan antara ketagihan dengan gajet sememangnya tidak dapat dipisahkan. Antara kajian yang telah dijalankan ialah kajian yang dijalankan oleh Dwi Wulandari dan Triana Lestari (2021), mendapati bahawa anak-anak akan mulai ketagihan gajet secara berterusan sehingga merasakan bahawa gajet adalah belahan hidupnya. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhamad Faisal et al. (2021) mendapati bahawa 44% golongan remaja menghabiskan sekurang-kurangnya enam jam sehari menggunakan gajet bagi melayari laman sosial. Hal ini telah melepasi tahap penggunaan normal remaja iaitu tidak boleh melebihi dua jam sehari bagi golongan remaja yang berusia 6 hingga 18 tahun (Siti Jamiaah et al., 2020).

Selain itu terdapat juga beberapa kajian yang dijalankan bagi mengkaji kesan negatif ketagihan gajet. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Nur Qamarina dan Hilwa (2021), yang mendapati bahawa seseorang itu akan mengalami masalah kesihatan mental jika terlibat dengan masalah ketagihan gajet. Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan oleh Joan Danil dan Suzyani (2021), yang menyatakan bahawa 50% ibu bapa bersetuju bahawa anak-anak mudah menjadi marah apabila kehendaknya untuk menggunakan gajet tidak dipenuhi. Hal ini merupakan kesan perubahan negatif tingkah laku akibat penggunaan gajet dalam kehidupan.

Ketagihan gajet boleh dibahagikan kepada beberapa jenis ketagihan. Antara jenis-jenis ketagihan gajet adalah ketagihan telefon pintar, ketagihan internet dan ketagihan permainan video dalam talian. Menurut Akhouri dan Kehksha (2016) ketagihan telefon pintar ialah mereka yang menggunakan telefon pintar secara berlebihan sehingga mendatangkan keburukan kepada diri sendiri. Manakala Ayu Permata et al. (2018) pula menjelaskan bahawa ketagihan internet adalah apabila seseorang itu menggunakan internet dalam tempoh waktu yang begitu lama sehingga melebihi tempoh penggunaan normal bagi setiap manusia.

2.2. Gaya Keibubapaan

Setiap ibu bapa memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik dan membesarkan anak-anak (Nurul Izzati & Manisah Mohd Ali, 2021). Cara ibu bapa berinteraksi dan memberikan respons terhadap tingkah laku anak-anak merupakan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh setiap ibu bapa (Wan Anita, 2016). Menurut Evelyn Banu dan Ruslin Amir (2020), terdapat empat gaya keibubapaan yang telah diperkenalkan oleh Diana Baumrind pada tahun 1971. Antara gaya keibubapaan tersebut adalah autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian. Dua aspek utama yang ditunjangi dalam gaya keibubapaan ini adalah kebolehan mengawal tingkah laku dan keprihatinan terhadap keperluan anak-anak (Zohar et al., 2018).

Jenis gaya keibubapaan yang pertama dalam gaya keibubapaan Baumrind ini adalah gaya keibubapaan autoritatif. Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan ini merupakan golongan ibu bapa yang tegas tetapi menggunakan kaedah demokrasi dalam mendidik anak-anak (Siti Marhamah et al., 2016). Malah ibu bapa autoritatif lebih gemar untuk ialah tolak ansur verbal, menerangkan sebab di sebalik peraturan, menggunakan penjelasan dalam pembentukan dan melaksanakan sesuatu objektif dengan anak-anak (Wan Anita, 2016). Selain itu, ibu bapa yang mengadaptasi gaya keibubapaan autoritatif juga mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan anak-anak.

Bagi ibu bapa yang cenderung terhadap gaya autoritarian pula, mereka menggunakan kuasa sebagai ibu bapa dalam memberikan kata putus melalui cara penolakan dan pengehadan. Menurut Nur Amnani dan Nellie (2021), ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritarian ini lebih mengongkong dan tidak mengamalkan pendekatan perbincangan dalam membuat keputusan. Selain itu, gaya autoritarian yang terlalu mengawal menyebabkan anak-anak menjadi lebih agresif, hiperaktif, menyimpan dendam dan kurang keyakinan terhadap diri sendiri (Marccone et al., 2017).

Gaya keibubapaan yang seterusnya adalah gaya keibubapaan permisif. Ibu bapa yang terlalu mesra, terlalu berlembut, dan memenuhi segala kehendak anak-anak merupakan ibu bapa yang tergolong dalam golongan ibu bapa permisif (Nur Amnani & Nellie Ismail, 2021). Mereka juga disifatkan sebagai ibu bapa yang membenarkan anak-anak membuat keputusan untuk diri mereka sendiri walaupun pada usia yang masih tidak mampu membuat keputusan sendiri (Moltafet et al., 2018). Hal ini kerana sifat ibu bapa permisif yang tidak gemar untuk berkata tidak mahupun menghampakan anak-anak mereka. Golongan ibu bapa ini tidak akan meluahkan hasrat atau keinginan mereka terhadap anak-anak dan memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak.

Pada awal kewujudan teori gaya keibubapaan Baumrind ini, terdapat tiga jenis gaya keibubapaan yang telah dinyatakan. Namun pada tahun 1971 Baumrind D. telah menemui satu lagi jenis gaya keibubapaan iaitu gaya keibubapaan pengabaian (Abdul Gafoor & Abidha, 2014). Gaya keibubapaan yang keempat adalah gaya keibubapaan pengabaian iaitu ibu bapa yang mengabaikan dan tidak mempedulikan anak-anak (Wan Anita, 2016). Menurut Loy dan Faridah Mydin (2021), ibu bapa dan penjaga yang mengamalkan gaya keibubapaan pengabaian ini akan memberi kesan negatif kepada kecerdasan anak-anak

Setiap ibu bapa pasti mempunyai gaya keibubapaan pilihan mereka yang diamalkan untuk mendidik dan membesarkan anak-anak. Perbezaan gaya keibubapaan ini pasti akan mempengaruhi tingkah laku golongan remaja. Hoffman (1996), menyatakan bahawa personaliti, tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang terbentuk hasil didikan dan corak pergaulan sesebuah keluarga.

3. Metod Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif sebagai pendekatan dalam melaksanakan kajian. Kaedah persampelan kluster telah digunakan dalam kajian ini dalam membuat pemilihan sampel kajian. Mersing merupakan pekan kecil di mana penduduknya mempunyai pelbagai kelas ekonomi. Bermula daripada golongan pegawai kerajaan sehinggalah kepada golongan nelayan. Maka Mersing amatlah sesuai untuk dijalankan kajian gaya keibubapaan bagi melihat kepelbagaian latar belakang sosial ekonomi.

Instrumen utama dalam kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian yang mengukur tiga dimensi yang terdapat dalam kajian ini. Bahagian pertama adalah menggunakan item *Development And Validation Of A Short Version Of The Parental Authority Questionnaire* (Hussain Alkharus et al., 2011). Bahagian kedua menggunakan *The Multidimensional Neglectful Behavior Scale, Form A: Adolescent And Adult* (Straus et al., 1997). Manakala bahagian ketiga adalah soal selidik *Smartphone Addiction Scale (SAS)* (Kwon et al., 2013).

Dalam kajian ini setiap instrumen yang digunakan telah dibuktikan kesahan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Menurut Hussain Al-Kharusi et al. (2011), setelah pengujian dijalankan terhadap *Parental Authority Questionnaire Short Version*, mendapati bahawa kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini hampir sama dengan soal selidik yang asal. Bagi soal selidik *The Multidimensional Neglectful Behavior Scale (MNBS)* pula, hasil analisis mendapati tahap kebolehpercayaan yang tinggi untuk skala keseluruhan dan terdapat bukti kesahan bagi lapan item yang dipilih (Straus et al., 1997). Manakala Kwon et al. (2013) menyatakan bahawa ketekalan dalaman dan kesahan SAS-SV disahkan dengan nilai *Cronbach's alpha* = 0.967.

Dalam proses menterjemahkan ketiga-tiga soal yang digunakan dalam soal selidik ini, pengkaji telah mendapatkan bantuan beberapa individu pakar dalam bidang Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu untuk menterjemahkan secara timbal balik (*Back to Back Translations*), bagi setiap item yang terdapat dalam soal selidik ini. Hal ini bertujuan memelihara kesahan setiap item agar maksud bagi setiap item ini tidak berubah dari soal selidik yang asal. Malah sebelum soal selidik ini diedarkan, pengkaji menjalankan kajian rintis terhadap instrumen ini agar kesahan dan kebolehpercayaan terjamin dan menepati objektif kajian ini dilaksanakan.

4. Dapatan Kajian

4.1. Tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja

Berdasarkan analisis data kajian, terdapat empat kategori tahap ketagihan gajet. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja. Tahap ketagihan gajet yang pertama adalah tahap tidak ketagihan. Tahap ketagihan yang kedua pula adalah tahap ketagihan ringan, diikuti dengan tahap ketagihan sederhana dan akhir sekali adalah tahap ketagihan berat.

Jadual 1: Tahap Ketagihan Gajet Dalam Kalangan Remaja

Tahap Ketagihan	Nilai Min	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak Ketagih	1.00 hingga 1.90	106	23.87
Ketagihan Ringan	2.00 hingga 2.40	119	26.80
Ketagihan Sederhana	2.50 hingga 2.90	92	20.72
Ketagihan Berat	3.00 hingga 5.00	127	28.60

Dapatan kajian mendapati seramai 127 orang responden atau 28.6% daripada responden kajian mendapat tahap ketagihan berat. Tahap ketagihan gajet yang kedua tertinggi pula adalah tahap ketagihan ringan. Seramai 119 orang responden atau 26.8% daripada keseluruhan responden mendapat tahap ketagihan ringan.

Bagi tahap ketagihan sederhana pula seramai 92 orang atau 20.72% mendapat tahap sederhana. Akhir sekali tahap ketagihan gajet yang paling baik adalah pada tahap tiada ketagihan. Analisis yang telah dijalankan mendapati hanya 106 orang atau 23.87% responden yang berada pada tahap tiada ketagihan.

4.2. Tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan.

Bagi mengenal pasti tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja berdasarkan gaya keibubapaan nilai min tahap ketagihan gajet bagi setiap gaya keibubapaan telah dianalisis. [Jadual 2](#) menunjukkan nilai min tahap ketagihan gajet bagi setiap gaya keibubapaan. Gaya keibubapaan yang pertama adalah gaya keibubapaan Autoritatif. Nilai min tahap ketagihan gajet yang paling tinggi dalam gaya keibubapaan Autoritatif adalah tahap tiada ketagihan dengan nilai min 4.07. Nilai min ini merupakan nilai min yang paling tinggi dalam tahap ketagihan gajet. Nilai min tahap ketagihan yang kedua tertinggi dalam gaya keibubapaan Autoritatif ini adalah tahap ketagihan ringan diikuti dengan tahap ketagihan sederhana dengan nilai min 3.72. Tahap ketagihan berat pula mendapat nilai min 3.68 bagi gaya keibubapaan Autoritatif.

Jadual 2: Min Tahap Ketagihan Gajet Berdasarkan Gaya Keibubapaan

Tahap Ketagihan	Tiada Ketagihan	Ketagihan Ringan	Ketagihan Sederhana	Ketagihan Berat
Autoritatif	4.07	3.85	3.72	3.68
Autoritarian	3.19	3.22	3.16	3.30
Permisif	2.36	2.54	2.58	2.86
Pengabaian	1.55	1.80	1.90	2.19

Manakala bagi gaya keibubapaan Autoritarian pula, nilai min tahap ketagihan gajet yang paling tinggi adalah tahap ketagihan berat dengan nilai min 3.30. Seterusnya nilai min tahap ketagihan ringan pula menduduki tempat kedua dengan nilai min sebanyak 3.22. Nilai min tahap ketagihan gajet yang paling rendah dalam gaya keibubapaan ini adalah nilai min tahap ketagihan sederhana dengan nilai min 3.16 manakala nilai min bagi tahap tiada ketagihan pula adalah 3.19.

Gaya keibubapaan yang seterusnya adalah gaya keibubapaan Permisif. Nilai min tahap ketagihan berat telah mendahului dengan nilai min sebanyak 2.86. Nilai min bagi tahap ketagihan sederhana dan ketagihan ringan berdasarkan gaya keibubapaan ini adalah masing - masing 2.58 dan 2.54. Bagi tahap tiada ketagihan nilai min adalah 2.36 bagi gaya keibubapaan Permisif.

Nilai min tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan Pengabaian yang paling tinggi adalah nilai min tahap ketagihan berat iaitu 2.19. Seterusnya nilai min tahap ketagihan yang kedua tertinggi adalah tahap ketagihan sederhana iaitu 1.90 dan diikuti oleh nilai min tahap ketagihan ringan iaitu 1.80. Nilai min yang paling rendah dalam gaya keibubapaan ini adalah nilai min tahap tiada ketagihan dengan nilai min sebanyak 1.55. Maka bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu mengenal pasti tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan adalah gaya keibubapaan Autoritatif mempunyai tahap tiada ketagihan manakala bagi gaya keibubapaan Autoritarian, Permisif dan Pengabaian pula tahap ketagihan gajet remaja berada pada tahap ketagihan berat.

5. Perbincangan Kajian

5.1. Tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh mendapati bahawa lebih dari 76% remaja dalam kajian terlibat dalam ketagihan gajet. Perkara ini selari dengan laporan yang dikeluarkan oleh [Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia \(2020\)](#) yang menyatakan bahawa, golongan remaja merupakan golongan terbesar menggunakan internet di Malaysia. Walaupun dalam laporan tersebut tidak menyatakan secara langsung berkenaan tahap ketagihan namun terdapat kesinambungan antara penggunaan internet dan penggunaan gajet dalam kalangan remaja.

Dapatan data yang berjaya dikumpulkan mendapati 28.6% daripada jumlah responden mengalami gejala ketagihan gajet tahap ketagihan berat dengan nilai min antara 3.00 hingga 5.00. Antara gejala ketagihan gajet yang paling dominan dalam kalangan remaja ialah gejala sakit pada bahagian pergelangan tangan akibat penggunaan gajet yang terlalu lama. Hal ini disokong oleh [Aina' Rasyidah dan Hapsah \(2020\)](#), menjelaskan bahawa penggunaan gajet terlalu lama boleh menyebabkan bahagian tulang belakang dan tengkuk badan menjadi rosak.

Selain gejala sakit di bahagian pergelangan tangan, kesan negatif kepada fizikal yang lain akibat ketagihan gajet adalah masalah pertumbuhan fizikal remaja. Menurut [Sundus \(2018\)](#), ketagihan gajet menyebabkan seseorang itu menggunakan gajet terlalu lama sehingga berlakunya kurang pergerakan yang boleh menjejaskan pertumbuhan individu. Malah ketagihan gajet juga boleh merosakkan penglihatan golongan remaja. Penggunaan gajet yang tidak terkawal boleh menyebabkan tahap penglihatan golongan remaja terjejas ([Aina' Rasyidah & Hapsah, 2020](#)).

Di samping itu, ketagihan gajet golongan remaja boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan kognitif remaja. Akibat penggunaan gajet dalam kalangan remaja telah menyebabkan berlakunya penurunan tahap fokus dalam kalangan pelajar. Menurut [Shima dan Siti Marziah \(2018\)](#), perbezaan yang ketara antara tahap fokus pelajar sekarang hanya empat saat berbanding tahap fokus pelajar sepuluh tahun lalu adalah tiga belas minit lebih lama berbanding pelajar sekarang. Para guru mengalami masalah untuk mengawal pergerakan pelajar semasa proses pembelajaran dan pembelajaran berlangsung. Sementara itu, kesan negatif ketagihan gajet kepada golongan remaja terhadap kognitif seterusnya adalah gangguan pertumbuhan otak. Penggunaan gajet akan mengeluarkan radiasi yang boleh menyebabkan berlakunya gangguan perkembangan otak. Menurut [Aina' Rasyidah dan Hapsah \(2020\)](#), kesan penggunaan gajet yang berlebihan boleh mempengaruhi keupayaan otak untuk menerima pembelajaran sekali gus mempengaruhi pencapaian akademik golongan remaja.

Selain itu, kesan negatif ketagihan gajet terhadap perkembangan sosial seterusnya ialah hilang keyakinan diri. Kesan penggunaan gajet yang tidak terkawal, golongan remaja akan mula terpengaruh dengan gaya hidup golongan selebriti di media sosial. Menurut [Ayu Permata et al. \(2018\)](#) golongan remaja yang hilang keyakinan diri apabila mereka melihat kelebihan-kelebihan orang lain yang dipaparkan di media sosial. Golongan remaja yang tidak mempunyai kelebihan itu akan hilang keyakinan diri. Malah golongan remaja ini juga berpotensi menjadi mangsa buli siber di media sosial. Oleh sebab itu, penggunaan gajet oleh golongan remaja untuk bersosial mestilah dikawal sebelum ianya menjadi ketagihan. Jika golongan remaja merasakan media sosial memberi kesan

negatif, golongan remaja haruslah menjauhi media sosial supaya ianya tidak memberi kesan buruk kepada diri mereka sendiri.

Jelaslah bahawa ketagihan gajet dalam kalangan remaja banyak memberi kesan yang kesan negatif. Walaupun pada asasnya, gajet merupakan satu alat kemudahan namun jika ianya disalah gunakan maka impaknya amatlah besar. Hasil analisis yang dijalankan mendapati hanya 106 atau 23.87% daripada jumlah keseluruhan responden yang tidak mempunyai masalah ketagihan gajet. Data yang diperoleh ini amat berbeza dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh [Aisyah Hanum et al. \(2018\)](#), yang menyatakan 84.6% daripada responden kajiannya mempunyai ciri penggunaan gajet atau telefon bimbit yang berwibawa atau tidak menyalahgunakan kemudahan gajet sehingga mengalami ketagihan. Jika seseorang remaja itu gagal mengawal diri mereka maka remaja tersebut akan terjerumus dalam masalah ketagihan gajet. Oleh sebab itu, isu ketagihan gajet dalam kalangan remaja ini perlu diberikan perhatian agar timbul kesedaran awal dalam diri para remaja untuk tidak terlibat dengan ketagihan gajet.

5.2. Tahap Ketagihan Gajet Berdasarkan Gaya Keibubapaan

Berdasarkan hasil kajian juga menunjukkan seramai 307 ibu bapa atau 69.14% daripada 444 responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan Autoritatif. Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan ini merupakan golongan ibu bapa yang tegas tetapi menggunakan kaedah demokrasi dalam mendidik anak-anak ([Siti Marhamah et al., 2016](#)).

Anak-anak yang membesar dengan gaya keibubapaan ini boleh mendapat tenaga positif, bermakna mereka mempunyai tahap kreativiti dan keyakinan yang tinggi. Nilai min bagi tahap tiada ketagihan ialah 4.07 bagi ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan Autoritatif. Antara ciri gaya keibubapaan Autoritatif dalam mendidik golongan remaja menggunakan gajet ialah ibu bapa dan penjaga menetapkan peraturan penggunaan gajet dan menjelaskan apakah rasional peraturan itu dibuat.

Hal ini selari dengan cadangan mengatasi masalah ketagihan yang dicadangkan oleh [Siti Jamiaah et al. \(2020\)](#), ibu bapa dan penjaga perlu mengadakan perbincangan secara terbuka bersama golongan remaja. Melalui perbincangan secara terbuka ini bukan sahaja boleh meningkatkan tahap kematangan remaja ([Siti Qorrothu, 2016](#)) bahkan melalui perbincangan secara terbuka ini juga boleh memberi kesedaran kepada golongan remaja tentang keburukan ketagihan gajet ([Nurhamizah & Asbah Razali, 2019](#)). [Norzila \(2018\)](#) juga bersetuju bahawa setiap ibu bapa dan penjaga perlu memberi kesedaran kepada golongan remaja tentang perkara ini.

Cadangan seterusnya untuk mengatasi masalah ketagihan gajet dalam kalangan remaja adalah ibu bapa dan penjaga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang gajet. Tanpa pengetahuan dan penglibatan ibu bapa dan penjaga tentang gajet, sukar untuk ibu bapa penjaga mengawal penggunaan gajet golongan remaja. Menurut [Nurhamizah dan Asbah \(2019\)](#), ibu bapa dan penjaga yang mempunyai pengetahuan tentang gajet dan media sosial dapat membimbing anak-anak untuk menggunakan gajet dengan betul dan ke arah yang positif.

Mengatasi isu sesuatu ketagihan bukanlah satu perkara yang mudah. Sebelum melaksanakan tindakan lain bagi menangani isu ini, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh setiap ibu bapa dan penjaga adalah dengan menetapkan tekad dan

keazaman untuk mengatasi ketagihan gajet anak-anak. Menurut [Tuty Rosyati et al. \(2020\)](#), ibu bapa dan penjaga mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan anak-anak. Maka setiap ibu bapa haruslah mempunyai fikiran dan semangat yang demi kebaikan anak-anak. [Nurhamizah dan Asbah \(2019\)](#) mengatakan bahawa setiap gaya keibubapaan memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan anak-anak. Oleh sebab itu, pengkaji mendapati bahawa ibu bapa dan penjaga haruslah mengamalkan gaya keibubapaan Autoritatif di samping boleh menggunakan cadangan yang telah dinyatakan bagi mengatasi masalah ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

Bagi gaya keibubapaan Autoritarian pula hasil dapatan kajian mendapati, nilai min tahap ketagihan yang dominan pada gaya keibubapaan ini adalah tahap ketagihan berat. Gaya keibubapaan ini dilakukan oleh ibu bapa yang menentukan had dan peraturan sendiri. Batasan dan peraturan ini mesti dipatuhi oleh anak-anak tanpa mengambil kira kehendak dan keadaan anak-anak. Selain itu dalam gaya keibubapaan authoritarian, terdapat kekurangan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak mereka. Ibu bapa lebih dominan dan menentukan segala-galanya dalam kehidupan anak. Walaupun gaya ini mempunyai tahap ketegasan ibu bapa yang tinggi namun ia tidak membantu mengurangkan tahap ketagihan gajet remaja.

Berdasarkan hasil kajian ini juga, didapati tahap tiada ketagihan nilai min adalah 2.36 bagi gaya keibubapaan Permisif. Ibu bapa yang menggunakan gaya keibubapaan permisif biasanya bersikap mesra terhadap anak-anak mereka, bermakna gaya keibubapaan ini disukai. Walau bagaimanapun, kemesraan yang diterapkan cenderung merosakkan anak-anak. Ini boleh menyebabkan anak-anak menjadi agresif, berasa berkuasa, dan kurang dapat mengawal diri. Jelas gaya keibubapaan ini bukan sahaja tidak dapat mengawal tahap ketagihan gajet, malah ia lebih mendorong untuk golongan remaja ketagihan gajet.

Gaya keibubapaan yang mempunyai nilai min tahap ketagihan gajet tahap berat adalah gaya keibubapaan pengabaian. Nilai min tahap ketagihan berat bagi gaya ini adalah 2.19 atau 50% daripada jumlah keseluruhan ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan pengabaian. Daripada dapatan kajian ini, gaya keibubapaan Autoritatif mampu mengawal tahap ketagihan gajet dalam kalangan remaja. Turut menyokong kenyataan ini ialah [Pempek dan Lauricella \(2018\)](#), terdapat begitu banyak kesan negatif pendedahan media massa seperti kualiti dan kuantiti interaksi ibu bapa dan anak akan berkurangan, lebih-lebih lagi interaksi mereka boleh menjadi negatif terutamanya interaksi apabila mereka bermain dan kurang memberi perhatian atau fokus semasa bersama.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, lebih 76% remaja di daerah Mersing terlibat dalam ketagihan gajet. Manakala tahap ketagihan gajet berdasarkan gaya keibubapaan pula adalah tahap tiada ketagihan bagi gaya keibubapaan Autoritatif. Tahap ketagihan gajet bagi gaya keibubapaan Autoritarian, Permisif dan Pengabaian pula adalah berada pada tahap ketagihan berat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan Autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang terbaik serta dapat membantu mengurangkan gejala ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur bagi pihak kementerian untuk mengenal pasti tahap penggunaan gajet dalam kalangan pelajar. Malah pihak

Kementerian Pendidikan juga dapat mengenal pasti apakah masalah atau isu yang sedang dihadapi oleh para pelajar. Antara jurang yang masih belum dipenuhi dalam kajian ini adalah dari aspek punca ketagihan gajet dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. Selain itu, antara jurang kajian yang masih belum dipenuhi adalah dalam aspek mengatasi isu ketagihan gajet. Dalam hal ini pengkaji merasakan perlu adanya satu kajian khusus pada masa akan datang satu kajian bagi membina modul atau langkah intervensi dalam mengatasi masalah ketagihan gajet dalam kalangan remaja. Kesimpulannya, isu ketagihan gajet dalam kalangan remaja bukanlah satu isu yang kecil. Tidak dinafikan bahawa banyak manfaat yang diperoleh dengan penggunaan gajet dalam kehidupan seharian. Gajet sememangnya diperlukan oleh golongan remaja, namun pemantauan dan bimbingan penggunaan amat perlu dititik beratkan oleh ibu bapa dan penjaga.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih yang tidak tertingga kepada semua pihak yang menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, penulis tidak menerima sebarang bantuan kewangan mahupun tajaan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis juga tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan yang mempengaruhi hasil dapatan kajian yang dijalankan.

Rujukan

- Abdul Gafoor, K. & Abidha Kurukkan. (2014). Construction and validation of scale of parenting style. *Journal Of Behavioral and Social Sciences*, 2(4), 315-323.
- Ahmad Rahmadhan Asif. (2017). *Hubungan tingkat kecanduan gadget dengan gangguan emosi dan perilaku remaja usia 11-12 tahun* (Doctoral dissertation, Faculty Of Medicine) <http://eprints.undip.ac.id/54097/>
- Aina' Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak Kanak Kebangsaan*, 9(20), 113-126.
- Aisyah Hanum Abu Bakar, Noor Azlinda Zainal Abidin, Zuraina Ali, Nursyaheedah Muhammad Isa, & Nor Suhardiliana Sahar. (2018). Teachers' perceptions of the use of flipped learning approach in learning grammar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 4(13), 66-73.
- Akhouri, D. & Kehksha. (2016). A comparative study of addiction of simple phone and its effect on mental health: the dark side of technology. *Journal of Multidisciplinary*, 3(6), 140-143.
- Ayu Permata Sari, Asmidir Ilyas & Ifdil Ifdil. (2018). Tingkat kecanduan internet pada remaja awal. *Jurnal Penelitian Pendidikan Indonesia*, 3(2), 110-117.

- Dwi Wulandari & Diferri Hermiati. (2019). Deteksi dini gangguan mental dan emosional pada anak yang mengalami kecanduan gajet. *Jurnal Keperawatan Silampari*, 3(1), 382-392.
- Evelyn Anak Banu & Ruslin Amir. (2020) Gaya asuhan paling dominan di kalangan murid Bidayah Padawan berprestasi akademik rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1)137-147.
- Hoffman, L. W. (1996). Progress and problems in the study of adolescence. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Hussain Alkharusi, Said Aldhafri, Ali Kazem, Abdulqawi Alzubiadi. & Muna Al-Bahrani. (2011). Development and validation of a short version of the parental authority questionnaire *Social Behavior And Personality*, 39(9), 1193-1208.
- Joan Danil & Suzyani Mohamed. (2021). Perubahan tingkah laku kanak-kanak disebabkan penggunaan gajet. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 200-209.
- Kwon M, Kim D-J, Cho H, Yang S. (2013). The smartphone addiction scale: development and validation of a short version for adolescents. *Plos One*, 8(12), e83558. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0083558>.
- Loy, A. H. & Faridah Mydin Kutty. (2021). Pengaruh gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi murid Iban di sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192.
- Marcone, R., Affuso, G., & Borrone, A. (2017). Parenting styles and children's internalizing -externalizing behavior: The mediating role of behavioral regulation. *Current Psychology*, 39(1), 13-24.
- Moltafet, G., Sadati Firoozabadi, S. S., & Pour-Raisi, A. (2018). Parenting style, basic psychological needs, and emotional creativity: A path analysis. *Creativity Research Journal*, 30(2), 187-194.
- Muhamad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Khafidz & Khazri Osman. (2021). Pola penggunaan media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *Buku Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital 2021*, (pp 131-152) Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- Nor Baidurah Ithnain, Shazli Ezzat Ghazali & Norrafizah Jaafar. (2018). Ketagihan telefon pintar dalam kalangan mahasiswa. *Malaysia Journal Of Youth Studies*, 18, 131-143.
- Normala Mohamad. (2006). Gajet atau alat? *Berita Harian*, 23 Januari:12.
- Norzila Zakaria. (2018). *12 Tip Mengelakkan Ketagihan Gajet*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nur Amnani Mohd Adnan & Nellie Ismail. (2021). Hubungan antara cara gaya keibubapaan ibu dan temperamen dengan masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak pra sekolah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1), 63-73.
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibu bapa dan anak anak. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 337-352.
- Nurul Izzati Asyiqin Bahtiar & Manisah Mohd Ali. (2021). Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan peranti teknologi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 500-514.
- Nur Qamarina Rahman & Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor (2021). Ketagihan telefon pintar dan ketagihan pornografi terhadap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-9.
- Pempek, T. A., & Lauricella, A. R. (2017). The effects of parent-child interaction and media use on cognitive development in infants, toddlers, and preschoolers. In *Cognitive development in digital contexts* (pp. 53-74). Academic Press.
- Rafiee Jamian, Nurul Hafizah Zainal Abidin, & Roslah Arsad (2020). Analisis deskriptif bagi penggunaan aplikasi quizizz ke atas guru dalam penilaian prestasi murid bagi subjek matematik. *Mathematical Sciences and Informatics Journal*, 1(2), 89-97.

- Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria. (2018). Kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak pra sekolah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-6.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar, Juwairiah Hassan. (2020). Pengawasan ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak: satu kajian kes. Kertas kerja bicara dakwah kali ke 21: *Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*. Live Webinar: Facebook PKDK. 27 Oktober.
- Siti Marhamah Kamarul Arifain, Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof & Atini Alias. (2016). Cara gaya keibubapaan dan remaja hamil tanpa nikah. *Jurnal Sains Sosial*, 1(1), 63-73.
- Siti Qorrotu Aini. (2016). Perilaku mengakses pornografi elektronik pada remaja (studi di SMP N di Kabupaten Pati). *Jurnal Litbang*, 13(2), 125-135.
- Shin.T.L. & Manisah Mohd Ali. (2020). Penggunaan telefon pintar dan tahap nomofobia dalam kalangan murid berkeperluan khas di sekolah menengah. *Malaysia Journal Of Society And Space*, 16(4), 164-178.
- Straus, M. A., Kinard, E. M., & Williams, L. M. (1995). The multidimensional neglectful behavior scale, Form A: Adolescent and adult-recall version. *Durham, NH: University of New Hampshire: Family Research Laboratory*. Available in: <http://pubpages.unh.edu/~mas2>.
- Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi. (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. *Journal of Southeast Asia Social And Humanities*, 89(1), 111-124.
- Sundus, M. (2018). The impact of using gadgets on children. *Journal of depression and anxiety*, 7(1), 1-3.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2020). IUS Infographic 201229.
- Tuty Rosyati, Muhammad Roy Purwanto, Gungum Gumelar, Rahmani Timorita Yulianti & Tamyiz Mukharrom. (2020). Effects of games and how parents overcome addiction to children. *Journal of Critical Riviews*, 7(1), 65-67.
- Wan Anita Wan Abas. (2016). Hubungan antara gaya keibubapaan dengan penggunaan internet kanak-kanak. *Global Media Journal*, 6(1), 15-30.
- Zohar, A. H., Ari, L. L., & Bachner-Melman, R. (2018). A model for the formation of maternal authority styles starting from attachment, and mediated by temperament and character. *International Journal of Psychology & Behavior Analysis*, 4(145), 1-6.